

ZAKAT Wang Simpanan

ZAKAT Simpanan adalah wang simpanan di:

- Bank
- Koperasi
- Simpanan semasa
- Simpanan tetap
- Duit di tangan

ZAKAT dari segi syarak ialah mengeluarkan sebahagian harta tertentu yang **diwajibkan oleh Allah** s.w.t. dan diberikan kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya setelah memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak.

Syarat-syarat wajib ZAKAT wang simpanan:

- Islam
- Hak milik sempurna
- Cukup haul (1 Tahun Hijrah - 354.5 hari)
- Cukup nisab (Kadar terendah yang wajib diZAKATkan mengikut harga pasaran emas seberat 86 gram)

“ Dan barang siapa yang dipelihara daripada kekikiran dirinya, mereka itulah orang yang beruntung dan berjaya. ”
(Surah Al-Hasyr, ayat 9)

Tunaikan ZAKAT... Kukuhkan Masyarakat

ZAKAT merupakan syariat yang difardhukan untuk membantu umat Islam daripada cengkaman kemiskinan. Dalam kita menabung untuk keperluan masa depan kita, sebahagian kecil dari itu adalah untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik.

ZAKAT juga adalah pembersihan harta serta diri kita dan dengan berZAKATlah InsyaAllah kita dapat mencernakan masyarakat yang lebih kukuh.

Jenis-jenis ZAKAT

Jenis-jenis ZAKAT dalam konteks Singapura ialah:

- ZAKAT Wang Simpanan
- ZAKAT Wang CPF
- ZAKAT Perniagaan
- ZAKAT Pelaburan, Saham & Insuran
- ZAKAT Emas
- ZAKAT Fitrah

Untuk keterangan lanjut mengenai ZAKAT, dapatkanlah risalah-risalah lain yang telah kami sediakan:-

- ZAKAT Perniagaan
- ZAKAT Wang CPF



Majlis Ugama Islam Singapura
(Islamic Religious Council of Singapore)


No.1,
Lorong 6, Toa Payoh
Singapura 319376
Tel: 6359 1145/146/147/148, 6359 1413
Lelaman: <http://www.muis.gov.sg>

ZAKAT Wang Simpanan

Tunaikan ZAKAT... Kukuhkan Masyarakat

Surah At-Taubah ayat 60

“ Sesungguhnya ZAKAT itu untuk orang-orang Fakir, Miskin, Amil, Muallaf, Riqab, Gharimin, Fisabilillah dan Ibnisabil. Adalah kewajiban yang ditentukan Allah, dan Allah maha mengetahui lagi bijaksana. ”



ZAKAT Wang Simpanan

Borang Bayaran / Payment Form

Nama / Name:

Alamat / Address:

No. Kad Pengenalan / NRIC No:

Telefon / Telephone: (r) (hp)

E-mel / E-mail:

Cek hendaklah dipangkah dan ditulis atas nama/
Cheque must be crossed and made payable to:

"MAJLIS UGAMA ISLAM SINGAPURA"

Kirimkan cek anda ke alamat: / Send your cheque to:

Unit Strategik Zakat & Wakaf,
Majlis Ugama Islam Singapura (Islamic Religious Council of Singapore)
No.1, Lorong 6, Toa Payoh
Singapura 319376

Tandakan (x) pada jenis bayaran ZAKAT anda / Please indicate
(x) on your ZAKAT Payment Type

..... S\$ Wang Simpanan CPF / CPF Savings

..... S\$ Simpanan / Savings

..... S\$ Emas / Gold

..... S\$ Perniagaan / Business

..... S\$ Saham / Shares

Under section 14(1)(G) of the Income Tax Act, ZAKAT contribution is an allowable expense which is deductible against the contributor's income. Please indicate the "Source of Income" if you want your claim on your ZAKAT contributions to be auto-included in your tax assessment.

Please tick in the appropriate (dotted line) to indicate the source of income:

..... Trade Employment Dividend

..... Interest Rental Others

Niat:

Wang sebanyak S\$ ini sebagai
menunaikan ZAKAT harta yang wajib ke atas diri / keluarga saya
untuk tahun berakhir kerana Allah Ta'ala.

Intention:

This amount S\$ being payment of
ZAKAT on wealth, which is obligatory on me / my family for the
year ended for Allah Ta'ala.

“Ya Allah jadikan lah ZAKAT ini sebagai ganjaran dan janganlah jadikannya sebagai kerugian.”
(Doa memohon pahala ZAKAT)

Panduan Mengira ZAKAT Wang Simpanan %

+ 1. Contoh Kiraan - Bagi satu buku akaun

Tarikh (Date)	Masuk (Deposit) \$	Keluar (Withdrawal) \$	Baki (Balance) \$
01/01/xx	10,000		10,000
23/04/xx		5,000	5,000
30/05/xx	1,000		6,000
12/07/xx	200 (faedah)	2,000	4,200*
28/08/xx	3,000		7,200
09/11/xx	2,000		9,200
31/12/xx		1,000	8,200

Tahun Haul : 1/1/xx - 20/12/xx
(haul adalah berdasarkan tahun hijrah iaitu Tahun masihi 365-10 hari)

Nisab (contoh) : \$2,500
(sila lihat nisab yang terkini di laman web Muis atau Berita Harian)

Baki Terendah : \$4,200 (termasuk faedah)

Kadar ZAKAT : 2.5%

ZAKAT yang wajib dikeluarkan :
\$4,200 - \$200 (tolak faedah) x 2.5%
= \$4,000 x 2.5% = **\$100.**

Jika simpanan dalam bentuk AI-Wadiah account, hibah yang diterima, dikira ZAKAT.



2. Contoh Pengiraan Pelbagai Buku Akaun Simpanan

Encik Ahmad mempunyai tiga akaun simpanan. Beliau ingin membayar ZAKAT simpanannya.

Berikut adalah contoh kiraan:

Bulan (Period)	Akaun 1 (Acc. 1)	Akaun 2 (Acc. 2)	Akaun 3 (Acc. 3)	Jumlah (Total)
Jan	S\$500	S\$4,700	S\$4,500	S\$9,700
Feb	S\$1,500		S\$5,200	S\$6,700
Mac	S\$2,200	S\$3,900		S\$6,100
Apr	S\$3,800		S\$3,400	S\$7,200
Mei	S\$5,300			S\$5,300
Jun	S\$4,200		S\$4,300	S\$8,500
Jul	S\$6,000	S\$4,200		S\$10,200
Sep	S\$5,700			S\$5,700
Ogos	S\$2,300		S\$3,500	S\$5,800
Okt	S\$1,600	S\$4,000		S\$5,600
Nov	S\$1,000		S\$4,800	S\$5,800
Dis	S\$1,200	S\$4,700		S\$5,900

Jumlah setiap bulan pada setiap akaun adalah jumlah yang terendah bagi akhir bulan tersebut. Campurkan jumlah kesemua buku pada setiap bulan.

Haul	Jan - Dis (Lebih tepat 1 Jan - 20 Dis)
Nisab	2,500 (contoh)
Baki Terendah	\$ 5,300 (Bulan Mei)
Kadar ZAKAT	2.5%
Kiraan ZAKAT	\$5,300 x 2.5% = \$132.50

Sila lungsur ke laman web kami www.muis.gov.sg untuk menggunakan kalkulator ZAKAT untuk kiraan ZAKAT anda.

**Tunaikan ZAKAT...
Kukuhkan Masyarakat**